

£.&
wlll

X ARLIMEN
B MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT P
ARLIMEN KEDUABELAS 2011

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI RABU: 02 NOVEMBER 2011

CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.

SOALAN NO. : 1

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN SALLEH BIN KALBI [SILAM]

TARIKH 2 NOVEMBER 2011

RUJUKAN 4151

SOALAN:

Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk memperkenalkan mekanisma baru bagi menyokong atau menggantikan Ops Sikap yang dilihat gagal membendung peningkatan jumlah kematian akibat kemalangan terutamanya pada musim perayaan.

NO. SOALAN : 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :

LISAN

DARIPADA

DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN
[PENDANG]

TARIKH

2 NOVEMBER 2011

RUJUKAN

4149

SOALAN:

Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejak Ops Sikap dilaksanakan, apakah kesan terhadap sikap pemandu kenderaan dan penunggang motosikal, apakah kadar kemalangan dan kemalangan maut hasil dari Ops yang dilaksanakan saban tahun serta berapakah kos setiap kali Ops ini diadakan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Silam yang telah mengemukakan pertanyaan.

Izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan dua (2) lagi pertanyaan yang lain iaitu pertanyaan Yang Berhormat Pendang

pada hari ini dan **Yang Berhormat Pasir Puteh** pada 14 November 2011 kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Ops Sikap ke-24 telah dilaksanakan oleh PDRM pada 23 Ogos hingga 6 September 2011 lalu sempena cuti perayaan Aidilfitri yang lalu. Matlamat utama Ops Sikap ini, adalah bagi memastikan kelancaran aliran trafik, mengurangkan kadar kemalangan maut ke tahap yang minima pada musim perayaan, dan penguatkuasaan undang-undang jalanraya secara terancang.

Daripada segi objektif perlaksanaan Ops Sikap ini, ianya tidak boleh dinafikan matlamat untuk memastikan kelancaran aliran trafik dan penguatkuasaan undang-undang jalanraya secara terancang telah berjaya dilaksanakan dengan lancar.

Sehubungan dengan mengurangkan kadar kemalangan maut pula, statistik Ops Sikap ke-24 menunjukkan peningkatan sebanyak 16.5% iaitu 289 kematian berbanding 248 kematian semasa Ops Sikap Hari Raya Aidilfitri 2010 lalu.

Berdasarkan kepada statistik ini, 60% daripada kemalangan maut yang berlaku adalah terjadi di luar kawasan pengawasan Ops Sikap ke-24. Selain itu, mengikut satu kajian yang telah dijalankan oleh Unit Penyelidik Cawangan Trafik Bukit Aman ke atas pengguna jalan raya semasa pelancaran Ops Sikap ke-22, terdapat 90% pengguna jalan raya bersetuju mereka lebih peka kepada pemanduan disebabkan oleh penguatkuasaan Ops Sikap.

Oleh yang demikian, Ops Sikap ke-24 ini masih dilihat berjaya membendung kadar kemalangan dan kematian di jalan raya dan juga iaanya masih relevan. Justeru itu, buat masa kini, Kementerian tidak bercadang untuk memperkenalkan mekanisme baru bagi menggantikan Ops Sikap yang telah dilaksanakan sepanjang musim perayaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Selanjutnya, berkaitan peningkatan kadar kemalangan dan kematian di jalan raya tersebut, kajian yang dijalankan oleh *Accident and Safety Research Group*, Universiti Kebangsaan Malaysia, secara umumnya faktor utama berlakunya kemalangan jalan raya adalah berpunca daripada kecuaian pemandu itu sendiri iaitu memandu

dalam keadaan tidak cukup rehat atau tidur yang menyebabkan badan menjadi lesu dan lelah serta mengantuk, menggunakan telefon bimbit semasa memandu, memandu melebihi had laju dan sikap tidak berhemah pemandu di jalan raya dan ini menyebabkan kecuaian berlaku.

Daripada kajian PDRM pula, semasa Ops Sikap ke-24 tersebut menunjukkan punca kemalangan dan kematian di jalan raya ini juga adalah turut disebabkan faktor-faktor seperti yang telah saya nyatakan tadi.

Rentetan daripada ini, pelbagai usaha seperti kempen dan penguatkuasaan telah dijalankan oleh PDRM disamping semasa Ops Sikap, tindakan berikut dilaksanakan, iaitu

- i) Khidmat advocacy (nasihat);
- ii) Nasihat waktu perjalanan pergi dan pulang dari destinasi;
- iii) *Omnipresence* atau penugasan anggota trafik secara berterusan di lokasi-lokasi yang dikenalpasti sebagai kawasan- kawasan kerap berlaku kemalangan dan kesesakan;
- iv) Kawalan lalulintas semasa kesesakan;
- v) Menanamkan kesedaran kepada masyarakat berkaitan dengan keselamatan jalan raya melalui iklan-iklan di media massa; dan
- vi) Mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang yang melakukan pelanggaran undang-undang lalu-lintas.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehubungan dengan kos bagi melaksanakan setiap kali Ops Sikap diadakan, sebahagian besar kos tersebut adalah ditaja dan hasil sumbangan pihak swasta seperti syarikat PLUS Berhad.TM Berhad dan lain-lain lagi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARI PAD A DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI

[KUALA KRAI]

TARIKH 2 NOVEMBER 2011 (RABU)

SOALAN

Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kos dan kesan imej YAB. Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia akibat penggunaan syarikat media asing bagi menonjolkan imej Malaysia yang lunak di peringkat antarabangsa.

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan telah mendapatkan khidmat juru perunding FBC Media (UK) bagi

JAWAPAN: **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

menyediakan perkhidmatan perunding, nasihat dan menguruskan kempen komunikasi bermula pada tahun 2007. Kontrak selama setahun itu telah disambung sebanyak dua kali dan ditamatkan pada tahun 2010. Nilai kontrak untuk tiga tahun itu ialah Euro 19.6 juta.

Pihak FBC Media telah mengambil pendekatan kepelbagaian dalam melaksanakan perancangan komunikasinya, antaranya, membantu dalam pembabitan Malaysia di forum antarabangsa yang penting, membantu menjalin hubungan dengan pihak dan badan yang berpengaruh serta menyediakan liputan yang meluas mengenai kepentingan Malaysia di media antarabangsa. Perancangan komunikasi FBC Media ini mendukung usaha yang dilakukan oleh pemimpin kerajaan, kementerian dan agensi dalam lawatan dan misi luar negara mereka.

Sebagaimana kita sedia maklum, selain dasar dan program yang sesuai, strategi komunikasi juga merupakan satu elemen yang penting dalam usaha kita terus meningkatkan profil negara sebagai destinasi pelaburan dan pelancongan yang menarik.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATUK TIONG THAI KING
[LANANG - BN]**

TARIKH 2 NOVEMBER 2011 (RABU)

SOALAN NO. 3

Datuk Tiong Thai King [Lanang - BN] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah persediaan yang dibuat untuk menyertai Sukan Olimpik London 2012 amnya dan bagi acara badminton khasnya.

JAWAPAN

1. Sebagai persediaan para atlet menghadapi Sukan Olimpik London 2012, Kementerian telah melaksanakan "Program Road To London 2012" sejak tahun 2009 yang merupakan program khas dengan sasaran memenangi pingat EMAS pertama negara di Sukan Olimpik. Sehingga 31 Oktober 2011, seramai 3 orang atlet dari sukan Akuatik - Terjun dan 4 orang atlet dari sukan Memanah telah pun layak untuk bertanding di Sukan Olimpik London 2012.

Manakala bagi sukan Berbasikal acara lebuhraya lelaki, negara kita telah pun mendapatkan 2 slot ke Sukan Olimpik London 2012 apabila layak berdasarkan ranking ke-4 Cycling Pro Tour Asia. Ini menjadikan **keseluruhan 9 orang atlet** telah pun layak ke temasya tersebut.

2. Untuk melayakkan diri ke Sukan Olimpik, para atlet perlu melalui proses kelayakan dengan menyertai kejohanan-kejohanan yang ditentukan oleh badan induk sukan antarabangsa masing-masing sehingga Mei 2012. Begitu juga **sukan Badminton**, atlet-atlet negara akan menyertai kejohanan-kejohanan pungutan mata seperti Kejohanan Badminton Super Series, Grand Prix Gold dan sebagainya bermula **1 Mei 2011 sehingga bulan Mei 2012** untuk memungut mata yang akan menentukan kelayakan mereka ke Sukan Olimpik London 2012.

PE61BERTOHUAN PERTANYAAN DEWAN 1RAICYAT

RFLENTERB PS JABATAM PERDAMA

LiEMTERB Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lawatan Rasmi YAB Perdana Menteri ke Turkmenistan adalah di atas jemputan Presiden Turkmenistan. Lawatan tersebut antara lainnya adalah bertujuan untuk memperkuuhkan komitmen Malaysia dan Turkmenistan dalam meningkatkan kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang.

Amat jelas bahawa lawatan Rasmi YAB Perdana Menteri ke Turkmenistan telah mencapai objektifnya apabila lima dokumen persefahaman kerjasama telah ditandatangani semasa lawatan tersebut.

YAB Perdana Menteri juga telah merasmikan Terminal Gas Pertama PETRONAS di Kiyanli, Turkmenbashi pada 12 Julai 2011 di samping turut mengumumkan pembukaan Kedutaan Besar Malaysia di Ashgabat, Turkmenistan.

Perbelanjaan yang digunakan bagi lawatan rasmi YAB Perdana Menteri ke

JAWAPAN: **YB DATO'SERB IIIOIHAEIED NAZRI ABDULAZBZ**

Turkmenistan dari 11 hingga 12 Julai 2011 pula berjumlah *RM*

323,268=19, Sekian. Terima kasih.

Soalan No : 5

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA LISAN Y.B. DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM
FIKRI (KUALA NERUS)

TARIKH 02-11-2011

SOALAN:

Y.B. DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [KUALA NERUS] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk menjadikan mata pelajaran Pendidikan Agama Islam sebagai subjek wajib lulus UPSR untuk murid-murid beragama Islam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak menetapkan mata pelajaran wajib lulus bagi semua mata pelajaran dalam peperiksaan UPSR kerana peperiksaan ini hanyalah untuk menilai dan mengukur tiga kemahiran asas iaitu membaca, menulis dan mengira melalui mata pelajaran-mata pelajaran yang diajar di sekolah rendah. UPSR tidak menjadi syarat kelayakan untuk murid meneruskan pengajian di peringkat menengah,

Namun demikian, mata pelajaran pendidikan Islam merupakan mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua murid-murid beragama Islam, di samping menjalani aktiviti kerohanian sebagai kurikulum seperti Kem Bestari Solat, j- QAF dan sebagainya.

NO. SOALAN : 6

PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI
[BAGAN SERAI]**

TARIKH 02.11.2011 (RABU)

TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI [BAGAN SERAI] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi memastikan minyak masak yang telah diguna pakai dan di kitar semula tidak digunakan untuk memasak (*home use*). Adakah sebarang akta untuk dikuatkuasakan bagi mengatasi masalah tersebut.

JAWAPAN
Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, buat masa ini Kementerian ini tidak mempunyai akta yang dikuatkuasa bagi memastikan minyak masak yang telah diguna pakai dan dikitar semula tidak digunakan untuk memasak (home use).

Walau bagaimana pun, di bawah Akta Perihal Dagangan 2011, ada diperuntukkan jika sesuatu perihal dagangan barang, walaupun tidak palsu, tetapi mengelirukan bagi mana-mana perkara termasuk kualiti, kandungan, cara pengilangan, pengeluaran, pemprosesan atau pemulihan keadaan hendaklah disifatkan sebagai suatu perihal dagangan palsu.

Kementerian hanya boleh mengambil tindakan jika minyak masak yang diedarkan mempunyai perihal dagangan palsu atau gambaran yang mengelirukan bahawa ianya minyak masak baru atau belum digunakan tetapi walhal telah dikitar semula dan boleh diambil tindakan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

Walau bagaimanapun, Kementerian secara konsisten menjalankan pemantauan dan pemeriksaan untuk membendung penjualan barang-barang seperti minyak masak yang dikenal pasti menggunakan perihal dagangan palsu.

Dari Januari 2010 hingga 31 Ogos 2011, Kementerian telah mengambil 62 kes berkaitan jenis-jenis makanan termasuk minyak masak, dengan rampasan bernilai RM 515, 636.00 yang menggunakan perihal dagangan palsu.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH **2 NOVEMBER 2011 (RABU)**

DARIPADA **Y.B. DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE
[MAS GADING]**

SOALAN

Y.B. DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE [MAS GADING] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dasar serta langkah yang diambil bagi mewajibkan Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh negara menggunakan kaedah baru bagi menangani masalah pembuangan sampah dan sisa pepejal lain di kawasan tanggungjawab mereka supaya tidak terus menimbulkan masalah alam sekitar seperti bencana banjir kilat dan pencemaran sungai dan udara.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) telah mula berkuatkuasa pada 1 September 2011 di seluruh negeri di Semenanjung kecuali Pulau Pinang, Perak, dan Selangor. Dengan berkuatkuasanya Akta 672 di

SOALAN(7)

negeri-negeri tersebut, fungsi dan tanggungjawab mengenai pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam tidak lagi berada di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebaliknya fungsi ini diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Akta 672 memberi kuasa eksekutif kepada Kerajaan untuk menggubal dasar, perancangan dan strategi berkenaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam untuk dilaksanakan di seluruh negeri. Bagi mengurangkan masalah pembuangan sampah, Akta 672 juga memberi kuasa untuk Kerajaan melaksana dan menguatkuasa 3R iaitu pengurangan, penggunaan semula dan pengitaran semula sisa pepejal terkawal serta mengujudkan sistem terima balik dan sistem bayaran balik deposit. Selain itu, Kerajaan juga akan melaksanakan kaedah kutipan 2 + 1 di mana sisa pepejal pukal dan bahan kitar semula akan dikutip sekali pada setiap minggu dan sisa organik lain sebanyak 2 kali seminggu.

Kutipan 2 +

1 ini akan dimulakan sebaik sahaja syarikat konsesi telah mengedarkan

tong beroda 120 liter kepada setiap rumah. Melalui pendekatan ini, Kementerian yakin pembuangan sisa pepejal yang tidak teratur dapat diatasi dan seterusnya dapat mengurangkan masalah alam sekitar seperti bencana banjir kilat dan pencemaran sungai dan udara.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Oktober 2011

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM
[KUALA KEDAH]

TARIKH 2 NOVEMBER 2011 (RABU)

SOALAN

Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan langkah-langkah Kerajaan membanteras gejala penipuan *Short Messaging Service* (SMS) oleh syarikat-syarikat telekomunikasi khidmat ini, yang menghantar SMS dan mengenakan bayaran tanpa keizinan pengguna.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Ingin saya nyatakan di dewan yang mulia ini bahawa penyataan daripada YB Kuala Kedah ini adalah tidak benar dan berbaur tuduhan.

Untuk makluman, perkhidmatan kandungan SMS ini adalah perkhidmatan yang disediakan oleh pemberi perkhidmatan kandungan atau *Content Provider* (*CP*) dan bukannya oleh syarikat telekomunikasi.

Merujuk kepada peraturan sedia ada, tanpa melalui proses pengesahan atau pendaftaran langganan, perkhidmatan kandungan ini tidak akan berlaku.

Berdasarkan pemantauan dan analisis terhadap corak dan perlakuan CP dan pengguna / pelanggan perkhidmatan kandungan mudah alih ini, didapati:

- (a) pengguna secara tidak sedar telah melanggani perkhidmatan ini kerana iklan-iklan yang mengelirukan dan tidak jelas;
- (b) pengguna tidak memahami prinsip langganan dalam perkhidmatan kandungan mudah alih dan juga kata kekunci yang digunakan dalam langganan perkhidmatan kandungan mudah alih;
- (c) pengguna tidak memahami terma dan syarat langganan perkhidmatan kandungan mudah alih; dan
- (d) penggunaan telefon oleh pihak ketiga seperti anak-anak dan ahli keluarga lain menyebabkan pengguna tidak sedar tentang langganan tersebut dan hanya menyedari caj tersebut setelah bil diterima.

Sehubungan itu, orang ramai dinasjhatkan supaya sentiasa mengetahui secara menyeluruh dan terperinci perkhidmatan langganan kandungan mudah alih serta memahami terma dan syarat secara terperinci sebelum membeli atau melanggannya. Masyarakat diminta supaya tidak mudah terpedaya dengan SMS tawaran percuma kandungan kerana lazimnya, pengguna akan dicaj untuk kandungan yang akan dihantar seterusnya.

Soalan No : 9

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA	LISAN Y.B. DATUK WEE JECK SENG (TANJONG PIAI)
TARIKH	02.11.2011

SOALAN:

Y.B. DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah untuk meringankan beban guru di sekolah rendah dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang terlalu dibebankan dengan kerja pentadbiran di samping tugas hakiki sebagai pengajar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedar dan prihatin dengan tugas serta tanggungjawab guru yang semakin mencabar untuk mendidik anak bangsa di sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) merupakan penambahbaikan kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dengan memberi fokus kepada kemahiran menaakul disamping membaca, menulis dan mengira. KSSR turut memasukkan elemen Kreativiti dan Inovasi, Keusahawanan dan Teknologi Maklumat & Komunikasi secara eksplisit supaya pengajaran dan pembelajaran lebih menarik, menyeronokkan dan bermakna.

Sehubungan itu, bagi meringankan beban tugas guru di sekolah, KPM telah melaksanakan beberapa perakuan sebagaimana yang disyorkan oleh Jawatankuasa Khas Menangani Isu Beban Tugas Guru (JKMIBTG). Antaranya ialah menempatkan dua (2) orang PembantuTadbir (PT) Perkeranian dan Operasi (P/O) Gred N17 di sekolah menengah gred A yang mempunyai enrolmen melebihi 1,500 orang murid.

Sebagai menyokong usaha berkenaan, KPM mengeluarkan arahan penempatan PT berserta skop fungsi dan bidang tugas perkeranian yang dilaksanakan oleh guru berkenaan. Buat masa ini, kementerian membuat penempatan dua (2) orang PT (P/O) Gred N17 tersebut secara rintis di 50 buah sekolah terpilih untuk tempoh setahun dan kajian eksperimental akan dijalankan sebaik sahaja tamat tempoh setahun untuk melihat keberkesanan pelaksanaan ini.

Rjm 56

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN MOHD NASIR BIN ZAKARIA
[PADANG TERAP]

TARIKH 2 NOVEMBER 2011

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) Jumlah projek yang diluluskan oleh Pejabat Pembangunan Negeri Kedah bagi Parlimen Padang Terap; dan
- (b) Nyatakan projek yang telah dan sedang dilaksanakan serta kos setiap projek tersebut.

SOALAN NO. 10

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sebanyak **RM589,458.00** telah diluluskan bagi melaksanakan **82 program/projek** di kawasan Parlimen Padang Terap di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri untuk kawasan tersebut bagi tahun 2010 dan tahun 2011 (sehingga bulan Oktober)

Jumlah projek dan kos bagi setiap kategori projek yang diluluskan bagi kawasan Parlimen Padang Terap adalah seperti berikut:

|

BIL	KATEGORI	2010		sehingga 28 QKT2011		JUM BIL	JUM KOS (RM)
		BIL	KOS(RM)	JBIL w	KOS (RM)		
1	JAM BATAN/TITI/C U LVE RT	2	20,193.91	0		2	20,193.91
2	JALAN	1	4,000.00	0		1	4,000.00
3	KEAGAMAAN	2	40,500.00	1	2,000.00	3	42,500.00
4	PROGRAM SOSIAL/ SUKAN/KEBUDAYAAN	11	78,659.99	19	113,630.00	30	192,289.99
5	MEMBAIKI RUMAH/ASAS/RUMAH	2	22,000.00	1	4,000.00	3	26,000.00
6	PEMBEKALAN BARANGAN	6	64,379.10	17	52,280.00	23	116,659.10
7	BANTUAN/SUMBANGAN NGO	5	70,267.00	12	72,688.00	17	142,955.00
8	BANTUAN BENCANA ALAM	0		3	44,860.00	3	44,860.00
JUMLAH KESELURUHAN		29	300,000.00	53	289,458.00	82	589,458.00

Kesemua program/projek tersebut telah siap dilaksanakan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT NO. SOALAN: 11

PERTANYAAN

DARIPADA : LISAN

**TARIKH : DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]
: 2 NOVEMBER 2011 (RABU)**

Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah mekanisme yang diambil kira Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) bagi melaksanakan Program Keusahawanan Bumiputera yang diumumkan pada 21 Julai lalu bagi mengelak tanggapan wujudnya monopoli dan tidak telus.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Program Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (TERAS) telah dilancarkan pada 20 Julai 2011 bertujuan untuk membangun generasi usahawan Bumiputera bertaraf dunia di dalam 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan beberapa sektor bukan NKEA yang penting. TERAS memainkan peranan utama dalam Agenda Pembangunan Bumiputera untuk membangunkan syarikat Bumiputera yang boleh berkembang dan berdaya saing. Sebanyak 1,100 syarikat Bumiputera akan dikenalpasti berdasarkan kriteria yang jelas dan proses pemilihan yang terbuka dan telus.

Sementara itu, sebelum pemilihan akhir, penilaian dibuat terhadap syarikat-syarikat yang memohon mengikut kriteria yang ditetapkan dan seterusnya pemilihan diputuskan oleh Jawatankuasa Pemilihan TERAS yang turut dianggotai oleh wakil-wakil dari agensi-agensi kerajaan, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan badan bukan kerajaan (NGO). Syarikat-syarikat yang terpilih mengikuti program TERAS akan diumumkan kepada awam. Ini adalah merupakan langkah untuk menentukan pemilihan syarikat ini dibuat secara terbuka dan telus.

12.
NO SOALAN :^6

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT.

MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. TUAN HAJINASHARUDIN BIN MAT ISA
(BACHOK)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 02-11-2011

Y.B. TUAH HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA [BACHOK] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan adakah Bank Negara mengawal syarat-syarat yang dikenakan oleh bank komersial di dalam melantik panel-panel peguam bagi menguruskan dokumentasi pinjaman mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia tidak menetapkan syarat-syarat berhubung dengan pelantikan panel peguam oleh institusi perbankan bagi menguruskan dokumentasi pinjaman masing-masing. Pelantikan panel peguam adalah tertakluk kepada polisi dalaman institusi perbankan berkenaan. Kebiasaannya, pelantikan tersebut adalah berdasarkan skop dan kualiti perkhidmatan serta reputasi firma guaman berkenaan. Institusi perbankan kebiasaannya menandatangani Perjanjian Tahap Perkhidmatan (*Service Level Agreement*) dengan panel peguam masing-masing. Antara lain, Perjanjian Tahap Perkhidmatan mengariskan beberapa perkara mengenai penyediaan perkhidmatan secara professional dan bermutu serta penilaian prestasi perkhidmatan panel peguam secara berkala.

2. Walaupun mempunyai panel peguam masing-masing, institusi perbankan dikehendaki memberi pilihan kepada pelanggan dalam memilih peguam dari kalangan panel peguam institusi perbankan atau mana-mana peguam bukan panel bagi mewakili pihak pelanggan dalam menguruskan dokumentasi pinjaman. Sekiranya peguam panel dipilih, aduan berkaitan amalan dan perkhidmatan yang disediakan oleh peguam panel boleh diajukan kepada institusi perbankan terbabit untuk diteliti. Sekiranya aduan berkenaan adalah sah dan berasas, institusi perbankan boleh mengambil tindakan mengeluarkan peguam terbabit daripada panelnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ
[SRI GADING]**

TARIKH

2 NOVEMBER 2011

SOALAN

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz [Sri Gading] minta MENTERI

KESIHATAN menyatakan jumlah subsidi yang ditanggung oleh Kementerian dalam memberi rawatan serta ubat secara percuma kepada rakyat bagi tahun 2010 dan anggaran tahun 2011.

Tuan Yang di-Pertua

Pada tahun 2010 Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM14.76 billion kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi memberi perkhidmatan penjagaan kesihatan dan rawatan perubatan untuk semua penduduk di Negara ini. Manakala hasil keseluruhan yang dapat dikutip oleh KKM bagi tahun 2010 adalah sebanyak RM311.22 juta sahaja. Ini bermakna secara umumnya Kerajaan telah menanggung dan mensubsidikan kemudahan perubatan sebanyak RM 14.45 bilion atau 98% daripada peruntukan yang disediakan untuk perkhidmatan penjagaan kesihatan dan rawatan perubatan kepada rakyat pada tahun 2010.

Seterusnya KKM mengunjurkan tiada pengurangan subsidi Kerajaan pada tahun 2011. Ini adalah kerana sehingga September 2011, KKM telah membelanjakan sebanyak RM12.44 billion berbanding dengan kutipan keseluruhan hasil KKM dalam tempoh tersebut iaitu sebanyak RM238.5 juta. Ini bermakna Kerajaan telah menanggung dan mensubsidikan sebanyak RM 12.20 billion atau pada kadar 98% daripada keseluruhan perbelanjaan KKM untuk memberikan penjagaan kesihatan dan rawatan perubatan kepada penduduk di Negara ini dalam tempoh suku ketiga tahun 2011.

Selain daripada subsidi rawatan dan ubat kepada pesakit yang dirawat di hospital Kerajaan, UN, dan Pusat Hemodialisis NGO, bantuan kewangan juga diberikan kepada pesakit yang kurang mampu di bawah Tabung Bantuan Perubatan.

KKM telah mula melaksanakan “*Itemised bill*” (dengan izin) mulai Jun 2011 di sembilan (9) buah hospital dan akan memperluaskannya ke semua hospital KKM yang lain pada tahun hadapan. Bil yang dikeluarkan di bawah sistem ini akan menunjukkan kos sebenar sesuatu perkhidmatan dan rawatan yang telah diterima oleh seseorang pesakit di hospital Kerajaan berbanding dengan harga yang dibayar oleh pesakit. Melalui bil ini pesakit akan lebih memahami jumlah subsidi yang telah ditanggung oleh Kerajaan dalam setiap rawatan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA LISAN Y.B. TUAN MANOGARAN A/L
MARIMUTHU (TELOK INTAN)

TARIKH 02.11.2011

SOAI AN-

Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU [TELOK INTAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) sejak tahun 1960 hingga 2011 berapakah jumlah murid (*enrolment*) di sekolah-sekolah Tamil serta peratusan peningkatan murid untuk tempoh tersebut; dan
 - (b) berapa banyak sekolah Tamil baru ditubuh/dibina sejak tahun 1960 sehingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

- a) Untuk makluman Dewan yang mulia, pertanyaan lisan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat pada hari ini adalah pertanyaan yang menyentuh tentang data *enrolment* murid mulai tahun 1960 dan merupakan data atau statistik yang agak sukar di mana secara perbandingannya mengikut tahun jumlah, enrolmen murid di SJK(T) telah berlaku peningkatan dan penurunan yang agak ketara. Namun demikian, secara kasarnya, pada tahun Jun 2011 jumlah murid di sekolah-sekolah berkenaan di seluruh negara adalah 102,412 orang, 106,221 pada tahun 2010 dan 108,867 pada tahun 2009.
 - b) Sejak tahun 1960 hingga kini, terdapat 523 buah sekolah SJK(T) seluruh negara di mana berlaku pertambahan bilangan sebanyak 3 buah akibat

daripada proses pemindahan sekolah atau pembinaan bangunan yang lebih memerlukan. Sebagai contoh SJK(T) Kuala Terla, Cameron Highland telah dibina pada tahun 2002 bagi memenuhi keperluan masyarakat India di kawasan tersebut berbanding dengan kawasan sebelum ini. Sehingga kini, kerajaan telah membina 17 buah bangunan baru bagi menampung keperluan di seluruh negara dan sedang merancang untuk membina SJK(T) Paya Besar di Kedah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATO¹ HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.
	MUTTALIB [MARAN]
TARIKH BERSIDANG	02 NOVEMBER 2011
SOALAN	

Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah status terkini cadangan pembinaan Hospital Daerah Maran yang telah pun mendapat kelulusan dasar untuk dilaksanakan dalam RMKe-10 ini dan bilakah kerja-kerja tapak akan dimulakan kerana projek ini mempunyai impak yang amat tinggi kepada masyarakat setempat.

Tuan Yang Dipertua

NO. SOALAN:1 £

Cadangan tapak pembinaan Hospital Maran telah dikenalpasti iaitu tanah Milik Kerajaan Negeri Pahang seluas 50 ekar di Persimpangan Lubuk Paku, Bandar Maran. Proses permohonan tanah bagi tapak cadangan pembinaan Hospital Daerah Maran sedang dijalankan di dalam RMKe-10. Pembinaan hospital tersebut akan dipohon untuk dilaksanakan menggunakan kaedah PFI. *Need Statement* bagi projek ini telah disediakan dan akan dihantar ke pihak Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) untuk tindakan selanjutnya.

DARIPADA : TUAN LOKE SSEW FOOK [RASAH]

TARIKH : 2 NOVEMBER 2011

SOALAN:

TUAIN LOKE SSEW FOOK minta PERDANA MENTERI

SOALAN NO.16

menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dengan membenarkan ejen-ejen parti politik memasuki kem-kem tentera untuk memantau proses pengundian oleh para tentera dalam pilihan raya umum akan datang.

Kebenaran daripada Komandan dan Ketua IPD adalah penting memandangkan kem-kem tentera dan balai-balai polis serta kem-kem Pasukan Gerakan Am (PGA) merupakan premis-premis milik ATM dan PDRM yang menjadi kawasan larangan untuk dimasuki secara bebas oleh orang awam. Hanya setelah mendapat kebenaran daripada Komandan Kem dan Ketua IPD, barulah Pegawai Pengurus Pilihan Raya akan mengeluarkan notis bertulis 24 jam kepada calon atau ejen pilihan raya mereka mengenai tarikh, masa dan tempat urusan pengeluaran, pembukaan dan pengiraan undi pos diadakan.

Sekajit, terima kasih.

**SOALAN NO.:
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN

DARIPADA

LISAN

KAWASAN

Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN

TARIKH

REMBAU

2 NOVEMBER 2011 (RABU)

SOALAN

Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU] minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah Kerajaan berhasrat menubuhkan sebuah unit khas seperti Geotechnical Engineering Organisation iaitu sebuah agensi di Hong Kong yang beroperasi khusus untuk pemetaan dan keselamatan curam atas beberapa insiden tanah runtuh sebelum ini dan juga memandangkan terdapat lebih 2 ribu rumah yang dikenai pasti berisiko tinggi di seluruh negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menubuhkan satu unit khas iaitu Cawangan Kejuruteraan Cerun (CKC) di bawah Jabatan Kerja Raya pada 2 Februari 2004 bagi mengurus, mengawal dan memantau cerun-cerun di seluruh Malaysia. Antara tanggungjawab CKC merangkumi aspek khidmat nasihat, penyiasatan forensik, rekabentuk, penyenggaraan, kajian dan pembangunan, menyediakan garis panduan serta piawaian berkaitan cerun.

Walau bagaimanapun peranan CKC masih terbatas memandangkan banyak akta sedia ada seperti Kanun Tanah Negara 1965, Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta Pemuliharaan Tanah 1960, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Namun begitu, pihak CKC sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi menawarkan khidmat nasihat, kajian, pembaikan dan pemantauan terhadap cerun-cerun di kawasan yang terlibat seperti kerja-kerja pembaikan cerun runtuh dan pemantauan kawasan-kawasan yang berisiko tinggi di Bukit Antarabangsa, Selangor.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak CKC telah melaksanakan pemetaan kawasan-kawasan bahaya dan berisiko tanah runtuh di kawasan Ulu Klang. Hasil daripada kajian dan pemetaan tersebut telah diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat seperti

Majlis Pembandaran Ampang Jaya (MPA]), Majlis Pembandaran Selayang (MPS), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Majlis Pembandaran Kajang (MPK) untuk tindakan selanjutnya. Selain itu, pihak CKC juga sedang melaksanakan pemetaan kawasan bahaya dan berisiko runtuh di kawasan-kawasan lain seperti di Pulau Pinang dan bandar Miri, Sarawak.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB TUAN FONG KUI LUN (BUKIT BINTANG)

TARIKH 2 NOVEMBER 2011 (SELASA)

SOALAN

YB Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan:-

- (a) bilangan penerima bantuan kebajikan; dan
- (b) permohonan yang ditolak dalam Wilayah Persekutuan Kuala

Lumpur dan nyatakan sebab-sebab permohonan lewat diproses dan diluluskan.

|

JAWAPAN:

Tuan Yang diPertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan bantuan kewangan kepada kumpulan sasar yang memerlukan seperti keluarga miskin, orang kurang upaya, pesakit kronik terlantar, warga emas, kanak-kanak dan mangsa bencana, tertakluk kepada syarat kelayakan yang telah ditetapkan.

Sebagai kerajaan yang prihatin terhadap kebajikan rakyat, peruntukan sebanyak RM1.2 bilion telah dibelanjakan untuk membantu seramai 424,526 orang di bawah pelbagai skim bantuan kebajikan JKM pada tahun 2010. Manakala bagi tahun 2011 iaitu hingga bulan Jun, jumlah penerima bantuan JKM di seluruh negara adalah seramai 439,156 orang, yang

melibatkan perbelanjaan sebanyak RM643 juta.

Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula, JKM telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM40.1 juta pada tahun 2010 untuk membantu 13,452 orang penerima bantuan kebajikan manakala untuk tahun 2011, iaitu hingga bulan Jun, seramai 14,853 orang telah menerima bantuan yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM24.9 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKMWPKL) telah menerima sebanyak 3,790 permohonan bantuan dari bulan Januari hingga Jun 2011. Daripada jumlah permohonan bantuan tersebut, sebanyak 3,728 kes atau 98% telah diproses yang mana 1,593 kes atau 42% telah diluluskan. Manakala sebanyak 2,135 atau 58% kes tidak diluluskan kerana tidak memenuhi syarat kelayakan permohonan yang ditetapkan dan baki sebanyak 62 kes memerlukan siasatan lanjut memandangkan kes-kes tersebut meragukan serta maklumat yang diberikan tidak lengkap.

Tuan Yang diPertua,

Berhubung dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai permohonan yang lewat diproses dan diluluskan, Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan program Perekayaan Proses Kerja atau “*Business Process Reengineering*” (BPR). Tujuan program ini adalah bagi mempercepatkan proses kelulusan permohonan bantuan kebajikan. Menerusi pelaksanaan program ini, pemohon akan dilayan segera dan terus mendapat keputusan permohonan tersebut. Kelulusan bantuan akan terus diberikan kepada permohonan yang ‘*clear cut*’ sekiranya memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan. Penggunaan Sistem e-Bantuan secara meluas juga telah mempercepatkan proses kerja dan seterusnya proses pembayaran. Pada masa yang sama agihan tugas pegawai JKM dapat dilakukan secara lebih sistematik dan teratur susulan penggunaan sistem e-Bantuan.

Inisiatif-inisiatif penambahbaikan yang lain akan terus diperkenalkan dalam usaha Kementerian untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasar selaras dengan Gagasan 1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE EMPAT
PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)**

NO. SOALAN: 20

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA : YB. DATUK MD. SIRAT BIN ABU

TARIKH : 2 NOVEMBER 2011 [RABU]

SOALAN

YB. Datuk Md. Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah seriusnya kes orang Islam yang murtad di negara ini. Apakah tindakan yang dilaksanakan secara berkesan untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN: (YB. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HJ. BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan menganggap tahap serius orang Islam murtad adalah dengan merujuk kepada kepekaan atau sensitiviti yang mungkin boleh menjelaskan keharmonian dan perpaduan masyarakat. Bahkan usaha-usaha tersebut boleh dianggap sebagai provokasi dan mencabar kedudukan Raja-raja Melayu sebagai Ketua Agama Islam bagi negeri-negeri dan kedudukan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agung selaku ketua agama Islam bagi seluruh Malaysia. Perkara ini boleh dirujuk kepada laporan berita dan laporan polis oleh

kumpulan yang sensitif serta serangan terhadap akidah dan syariat Islam melalui aktiviti tertentu dan laman sesawang dalam media alternatif.

Bagi menangani perkara ini, Kerajaan mengambil dua pendekatan iaitu pendekatan undang-undang yang sedia ada dengan kerjasama pihak berkuasa negeri dan menggunakan pendekatan dakwah melalui tindakan-tindakan berikut:

- i. perbincangan dan penjelasan dengan pihak yang terlibat;
- ii. mengadakan program pencegahan;
- iii. menjalankan aktiviti pengukuhan agama melalui kelas-kelas pengajian, seminar dan diskusi;
- iv. program Penerapan Nilai-nilai Islam kepada agensi-agensi Kerajaan dan masyarakat Islam bagi menjelaskan islam yang universal;
- v. mengadakan program ziarah dan lawatan ke rumah-rumah/institusi institusi;
- vi. menggunakan bantuan Baitul Mai golongan yang berkeperluan dan dalam golongan asnaf penerima zakat; dan
- vii. khidmat nasihat turut disediakan bagi mereka yang menghadapi masalah berkaitan Islam melalui soal jawab kemusykilan agama internet, panggilan telefon atau hadir ke JAIN/Pejabat Agama Daerah atau ke pusat khidmat komuniti bagi mendapatkan nasihat yang berkaitan.

Dari aspek **perundangan** pula, tindakan boleh diambil oleh pihak berkuasa agama negeri-negeri yang telah mempunyai undang-undang yang dinamakan sebagai Enakmen Kawalan dan Sekatan

Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam bagi mencegah penyebaran agama lain secara terbuka kepada orang-orang Islam. Ini selaras dengan Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan. Negeri-negeri yang telah menguatkuasakan Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam ialah Terengganu, Kelantan, Selangor, Melaka, Kedah, Pahang, Johor, Negeri Sembilan dan Perlis.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARI PADA: Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED

SAID

TARIKH: 2 NOVEMBER 2011

SOALAN:

Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengapa isu pembantu rumah Indonesia masih belum selesai dan meminta agar isu ini dapat diselesaikan dengan segera demi kemudahan rakyat.

PR-1243-L46418

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pihak kerajaan Malaysia telah menandatangani protokol pindaan Memorandum Persefahaman (Moll) berhubung Pengambilan dan Penempatan Pembantu Rumah Indonesia (PRI) dengan pemerintah Republik Indonesia pada 31 Mei 2011 yang lalu.

|

Kedua-dua negara telah bersetuju untuk menubuhkan satu jawatankuasa kerja atau *Joint Task Force* (JTF) yang akan menggerakkan usaha perlaksanaan pindaan Moll tersebut. Sehingga kini, sebanyak 2 sesi pertemuan di antara ahli jawatankuasa kerja atau *Joint Task Force* (JTF) telah diadakan oleh pihak Malaysia iaitu pada 21 Julai 2011 dan 13 September 2011 bagi memperhalusi perlaksanaan protokol pindaan Moll tersebut.

Pasukan JTF Malaysia juga telah mengadakan pertemuan dengan pasukan JTF Indonesia pada 27 hingga 30 Julai 2011 dengan tujuan untuk merapatkan hubungan dan kerjasama agar perlaksanaan Moll di antara kedua-dua negara dapat berjalan dengan lancar.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Hasil JTF akan dibentangkan kepada kedua-dua pemimpin negara di Bali pada 18 November 2011. Sekiranya kedua-dua pemimpin berpuas hati dengan mekanisme pelaksanaan maka penghantaran PRI ke Malaysia akan bermula pada 1 Disember 2011.

m3 Ofa -1 <Dis.ll>fias...209.11/lsmail46418

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN WONG HO LENG
[SIBU]**

TARIKH 2 NOVEMBER 2011

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah peruntukan kewangan yang diberikan kepada P.211 Lanang dan P.212 Sibu dalam tempoh 10 tahun yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua, jumlah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri bagi kawasan P.211 Lanang dan P.212 Sibu yang diluluskan dalam tempoh 10 tahun (2002 hingga 2011) adalah masing-masing sebanyak RM9.2 juta dan RM8.2 juta.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARI PADA**

**LISAN
Y.B. DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN
SAID
(PENGERANG)**

TARIKH

2 .11.2011

SOALAN:

Y.B. DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID [PENGERANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) adakah benar wujudnya sebilangan dari guru-guru yang membuat kerja luar seperti mengajar di kelas tuisyen berbayar, menjadi ejen insuran, terlibat dengan skim MLM, menjual produk pakaian, aksesori perhiasan dan sebagainya sehingga menjelaskan dasar pendidikan negara serta apakah terdapat sebarang kajian mengenai isu yang dibangkitkan bagi membolehkan tindakan selanjutnya diambil bagi membendung gejala ini dari terus menular; dan
- (b) sejauh mana pihak Kementerian mengguna pakai saranan yang diberikan oleh Jawatankuasa Mengkaji Beban Tugas Guru yang diketuai bekas Ketua Pengarah Pelajaran pada 2010 yang lalu dan apakah pendekatan Kementerian dalam menangani isu-isu kebijakan guru yang dibangkitkan oleh kesatuan-kesatuan guru.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Guru merupakan anggota perkhidmatan awam yang tertakluk kepada peraturan dan etika perkhidmatan. Pada dasarnya seorang anggota perkhidmatan awam termasuk guru tidak boleh membuat kerja luar semasa waktu bekerja yang telah ditetapkan.

Walau bagaimanapun, seseorang anggota perkhidmatan awam boleh melakukan kerja luar selepas waktu bekerja dengan syarat perlu mendapatkan kebenaran daripada pihak-pihak yang diberi kuasa meluluskan seperti Ketua Jabatan atau pendaftar.

- a) Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, guru-guru terikat dengan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil. 6/1970: Pekerjaan Luar sebagai Pensyarah atau Tutor Sambilan di Universiti atau Pusat Pengajian dan SPI Bil. 12/1988, iaitu Larangan Jualan Langsung di Sekolah. Buat masa ini belum terdapat kajian yang dilakukan untuk melihat perkara tersebut dan ianya masih terkawal serta tidak menjaskan pengajaran dan pembelajaran di sekolah.
- b) Kementerian sentiasa mengambil berat isu kebajikan guru termasuklah isu beban tugas guru yang semakin meningkat. Sebagai menyokong saranan Jawatankuasa Khas Menangani Isu Beban Tugas Guru (JKMIBTG), Kementerian telah melaksanakan beberapa pendekatan. Antaranya ialah menempatkan dua (2) orang PembantuTadbir (PT) Perkeranian dan Operasi (P/O) Gred N17 di sekolah menengah gred A yang mempunyai enrolmen melebihi 1,500 orang murid dan pendekatan ini dibuat secara rintis di 50 buah sekolah terpilih untuk tempoh setahun

Rjm 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

SOALAN

Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan dasar Kementerian untuk mengelakkan fenomena peminggiran Melayu bandar (*ghettotization*), terutamanya apabila dilihat skim perumahan rumah kos rendah yang sering dibina di kawasan kurang sesuai dan berkualiti rendah berbanding pembangunan di kawasan lain.

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fenomena peminggiran Melayu bandar seperti mana yang dinyatakan tidak berlaku. Oleh itu, ianya tidak memerlukan Kerajaan untuk melaksanakan atau mewujudkan satu mekanisme khusus dalam menangani perkara ini.

Kerajaan sentiasa prihatin dengan keperluan perumahan semua golongan kaum. Ini dapat dilihat melalui pelaksanaan pelbagai projek perumahan oleh Kerajaan di kawasan-kawasan bandar seperti Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR). Projek perumahan kos rendah ini dibina di kawasan-kawasan strategik di bandar-bandar bagi memastikan golongan berpendapatan rendah sentiasa mempunyai akses kepada kediaman dan kemudahan awam yang berkualiti. Selain itu, spesifikasi dan pembinaan projek perumahan kos rendah adalah mengikut segala peraturan dan *standard* yang berkuatkuasa bagi menjamin kualiti rumah yang dibina, di samping ianya dilengkapi dengan kemudahan asas yang mencukupi bagi menjamin keselesaan penghuni dan penduduk sekitarnya.

Pembinaan rumah-rumah kos rendah awam dan swasta oleh pemaju-pemaju

merupakan salah satu daripada tanggungjawab sosial dalam usaha memenuhi keperluan perumahan golongan berpendapatan rendah dan setinggan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos sebenar untuk membina seunit rumah kos rendah adalah di antara RM80,000 sehingga RM 120,000. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah Kerajaan yang sentiasa memikirkan kebijakan golongan berpendapatan rendah, Kerajaan menetapkan harga jualan pada paras harga RM42.000 bagi Semenanjung Malaysia dan RM50.400 bagi Sabah dan Sarawak. Ini bermakna Kerajaan menanggung kos pembinaan setiap unit di antara RM38.000 dan RM78.000.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan turut memperkenalkan Program Perumahan 1 Malaysia (PR1MA) bagi memenuhi keperluan kediaman golongan berpendapatan sederhana di kawasan bandar-bandar utama seperti di Lembah Klang dan Pulau Pinang.

Ini menunjukkan bahawa Kerajaan sentiasa prihatin dengan keperluan perumahan golongan berpendapatan rendah dan sederhana melalui inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

November 2011

NO. SOALAN:?!?

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN

KEDUA BELAS _____ (2011) _____

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN [LIPIS]

TARIKH 2 NOVEMBER 2011 [RABU]

SOALAN

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah dana daripada tabung zakat dan tabung yang diuruskan oleh institusi Islam membantu menangani masalah kemiskinan tegar dan miskin bandar di negara ini.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, mengikut Jadual 9 Senarai II (1), Perlembagaan Persekutuan, Hal Ehwal Agama Islam termasuklah kutipan dan agihan zakat adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri yang dikendalikan oleh Majlis Agama Islam (MAIN) masing-masing.

Saya percaya Kerajaan Negeri telah, sedang dan akan mengambil tindakan terbaik dari masa ke semasa mengikut kemampuan masing- masing bagi mengendalikan dan meningkatkan perkhidmatan pengurusan zakat. Maklumat

mengenainya bolehlah merujuk kepada Majlis Agama Islam masing-masing.

Dalam melaksanakan agihan zakat, terdapat dua kaedah utama yang diamalkan oleh MAIN dan agensi zakatnya bagi menyalurkan bantuan dana zakat kepada golongan asnaf. Kaedah pertama adalah melalui permohonan yang dibuat secara terus oleh pemohon dan kedua melalui pendekatan ‘turun padang’ di mana pegawai pengurusan zakat mengunjungi rumah atau tempat tinggal mereka yang memerlukan bantuan. Melalui pendekatan tersebut, MAIN menyediakan senarai pemohon dan penerima bantuan zakat melalui bincian, siasatan dan kajian yang dibuat dari semasa ke semasa oleh pegawainya dengan kerjasama erat amil-amil, jawatankuasa masjid, persatuan penduduk, JKKK, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pemimpin-pemimpin masyarakat setempat. Tindakan bersepadu ini juga dapat memastikan bakal-bakal penerima zakat dapat dikesan secara menyeluruh.

Senarai pemohon dan penerima diproses dan dikemaskini dari semasa ke semasa dalam pangkalan data pengurusan zakat. Senarai berkenaan disemak dan diperhalusi oleh Jawatankuasa Agihan negeri masing- masing bagi mempastikan mereka adalah tergolong dalam asnaf yang layak diberi bantuan menerusi pelbagai skim bantuan yang diperkenalkan tertakluk kepada syarat kelayakan dan had kifayah yang ditetapkan oleh negeri masing-masing.

Berdasarkan lapan asnaf itu, pelbagai skim bantuan ditawar dan diagihkan kepada para penerima yang layak. Antaranya bantuan kewangan bulanan, bantuan dermasiswa, bantuan perubatan, bantuan membina / membaiki rumah dan deposit membeli rumah kos rendah dan lain-lain. Dengan agihan dan skim-skim bantuan zakat seumpama inilah yang akan dapat membantu asnaf zakat daripada kedaifan dan kepinggiran.

Program-program pembangunan ekonomi yang mampu memberi impak yang tinggi (*High Impact Program*) kepada asnaf untuk keluar daripada belenggu kemiskinan melalui skim bantuan zakat juga diwujudkan Umpamanya skim latihan kemahiran, skim bantuan modal perniagaan, bantuan deposit sewa beli teksi, bantuan deposit membeli van / bas sekolah dan lain-lain. Di Wilayah Persekutuan misalnya, Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) menyediakan sebanyak 27 skim bantuan, sebahagian besarnya adalah sepertimana yang disebutkan itu.

Program-program skim bantuan ini membantu mereka keluar daripada kepompong kemiskinan dan dapat berdikari membina hidup yang lebih selesa. Seterusnya mereka akan keluar pula sebagai pembayar zakat. Inilah bentuk "pelaburan wang zakat" yang dikendalikan oleh MAIWP, Lembaga Zakat Selangor dan Majlis-Majlis Agama Islam Islam Negeri yang lain agar dapat memberi faedah jangkamasa panjang kepada umat Islam.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 26

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DARIPADA	LISAN Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK (SIK)
TARIKH	02.11.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK] minta Menteri Pelajaran menyatakan melalui media massa, pihak Kementerian telah mengumumkan bahawa PPSMI telah ditarik balik tetapi di peringkat sekolah, Pentadbiran Sekolah (Pengetua / Guru Besar) belum menerima arahan khusus mengenai hal ini. Adakah ini benar. Jika tidak, mohon jelaskan pekeliling arahan mengenai hal ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/2010 bertarikh 25 Januari 2010 mengenai Pelaksanaan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) telah disebarluaskan ke semua Jabatan Pelajaran Negeri.

~~HO.soAU*'). 1J
NO.AUM:20~~

~~Kin i in >
IIUr nUi~~

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT]

TARIKH 2 NOVEMBER 2011

RUJUKAN 4153

SOALAN:

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa jumlah pendaftaran lewat kerakyatan daripada negeri Sarawak yang telah diluluskan dalam tempoh tiga (2008-2011) tahun kebelakangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kapit yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada istilah bagi pendaftaran lewat kerakyatan. Bagi setiap individu yang ingin memohon kerakyatan, tiada tempoh masa ditetapkan. Walaubagaimanapun, untuk permohonan pendaftaran kelahiran, terdapat tiga kategori tempoh masa yang ditetapkan iaitu pendaftaran biasa kelahiran, pendaftaran lambat kelahiran dan pendaftaran lewat kelahiran.

Tuan Yang DiPertua,

Jumlah permohonan pendaftaran lewat kelahiran sepanjang tempoh tahun 2008 sehingga Ogos 2011 bagi negeri Sarawak adalah sebanyak 15,905. Berikut merupakan statistik mengikut tahun dan jumlah permohonan pendaftaran lewat kelahiran yang telah diluluskan bagi negeri Sarawak:

Tahun	Jumlah Lulus
2008	3942
2009	4597
2010	4453
2011	2913

NO- CoAL/INj : 2 %
~~NO. AUM-44~~

~~NO. AUP-:~~

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

TARIKH 2 NOVEMBER 2011

RUJUKAN 4150

SOALAN:

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rasional melepaskan kesemua lapan pegawai imigresen yang berkaitan dengan sindiket penyeludupan manusia dari tahanan ISA, apakah tindakan mahkamah terhadap mereka mengikut Akta Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007.
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Segambut yang mengemukakan pertanyaan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kelapan-lapan (8) pegawai Jabatan Imigeresen terbabit dibebaskan berdasarkan penilaian dan laporan pihak Polis serta Penjara yang menunjukkan mereka tidak lagi menjadi ancaman kepada keselamatan negara.

Buat masa ini, ada diantara mereka sedang disiasat dibawah Akta Penggubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLATFA) 2001 dan selepas selesai siasatan, kertas siasatan akan dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATO' SERI ZAHRAIN BIN MOHAMED
 HASHIM [BAYAN BARU]**

TARIKH 02 NOVEMBER 2011

SOALAN

YB Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta MENTERI KESIHATAN adakah Kementerian berpuas hati dengan latihan amali yang dijalani oleh doktor-doktor pelatih di hospital-hospital kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua

SOALAN NO. : 1

Kementerian Kesihatan memang prihatin tentang keperluan latihan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) bagi memastikan program latihan amali siswazah dapat mencapai objektif untuk menghasilkan pegawai perubatan yang berkualiti dan boleh mengamal dengan selamat untuk memenuhi keperluan negara.

Sebagaimana diperuntukkan di dalam Akta Perubatan 1971, setiap pengamal perlu berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) sebelum boleh mengamal. Susulan dari itu setiap PPS perlu menjalani

latihan di dalam disiplin-disiplin yang ditetapkan dengan jayanya sebelum layak diberi pendaftaran penuh oleh Majlis Perubatan Malaysia.

Bagi memastikan kualiti latihan PPS terus memuaskan, Jemaah Menteri pada tahun 2007 telah memutuskan agar tempoh latihan amali siswazah dari satu tahun dipanjangkan kepada dua tahun mulai Januari 2008.

Selain daripada itu bagi memberikan pendedahan amali yang luas kepada PPS, mereka diperlukan menjalani 6 posting dan bukan lagi 3 posting seperti pada tahun sebelum 2008. Dalam tempoh ini PPS dilatih dalam bidang Perubatan Am, Surgeri, Obstetrik & Ginekologi, Pediatrik, Ortopedik dan Perubatan Kecemasan atau Anestesia yang telah ditentukan.

Latihan amali PPS sentiasa dipantau di peringkat hospital oleh Jawatankuasa Program Latihan Siswazah. Pakar Perubatan Penyelia turut dibantu oleh pegawai perubatan senior. Mana-mana PPS yang berjaya melengkapkan latihan amali mereka dengan memuaskan, maka latihan mereka akan diperakukan. Jika didapati PPS tidak menunjukkan prestasi yang memuaskan, maka tempoh latihan akan dilanjutkan sehingga mereka dapat memperbaiki prestasi mereka.

Program Latihan Siswazah juga akan dipantau di peringkat Kementerian oleh Lembaga Kelayakan Perubatan (LKP).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

NO. SOALAN : 30

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. TUAN TAN TEE BENG
[NIBONG TEBAL]

TARIKH JAWAPAN : 2 NOVEMBER 2011 (RABU)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan adakah Kementerian berhasrat menggantikan sumber tenaga biasa ke tenaga baru (*renewable energy*) seperti solar dan hidraulik agar lebih menyumbang demi mengurangkan kesan pemanasan global. Jika ada, apakah rancangannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Isu keselamatan tenaga dan pemanasan global merupakan antara dua isu utama yang perlu diberi perhatian. Sumber bahan api fosil merupakan sumber utama bagi penjanaan elektrik pada masa ini, terutamanya bagi menyokong keperluan *baseload* disebabkan oleh teknologinya yang telah “matured” dan stabil. Selain itu, tahap kecekapannya juga adalah lebih tinggi selain daripada kosnya yang lebih rendah berbanding dengan teknologi tenaga boleh baharu.

Seperti mana kita semua sedia maklum, sumber bahan api fosil adalah terhad dan semakin berkurangan, selain daripada kesannya kepada alam sekitar. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa berusaha untuk mempelbagaikan lagi sumber penjanaan tenaga agar tidak bergantung sepenuhnya kepada bahan api fosil yang terdedah kepada risiko harga yang tidak menentu disamping turut membebaskan gas rumah hijau pada kadar yang tinggi.

Antara usaha Kerajaan bagi mempelbagaikan sumber mesra alam untuk penjanaan tenaga elektrik adalah dengan memperkenalkan Dasar dan

Pelan Tindakan Tenaga Boleh Diperbaharu yang dilaksanakan bermula daripada Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Dasar ini dirangka untuk memacu pembangunan tenaga boleh baharu dalam negara dengan lebih agresif supaya menjadi lebih mampan dan berdaya maju. Ia turut mengambilkira sumbangan tenaga boleh baharu terhadap keselamatan tenaga (*energy security*) disamping meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi negara. Sumber tenaga boleh baharu yang telah dikenalpasti berpotensi untuk dieksplotasi untuk penjanaan tenaga adalah biomass, biogas, hidro kecil, solar dan sisa pepejal.

Di bawah Dasar ini, sumber tenaga boleh baharu dijangka memainkan peranan yang lebih signifikan dalam campuran kapasiti tenaga negara di mana disasarkan pada tahun 2020 dianggarkan sebanyak 2,000 MW tenaga boleh baharu akan bersambung ke grid berbanding 63.45 MW sekarang. Dengan ini juga pembebasan gas rumah hijau sebanyak 42 juta tan C0₂ dijangka akan turut dapat dielakkan dengan penggunaan sumber tenaga boleh baharu menjelang tahun 2020.

Antara elemen penting yang terkandung dalam Dasar ini adalah penggubalan dan penguatkuasaan Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 bagi memperuntukkan mengenai pelaksanaan sistem *feed-in tariff* dengan izin atau FiT. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sistem FiT membenarkan tenaga elektrik daripada sumber tenaga boleh baharu untuk dijual ke pihak utiliti pada harga premium untuk satu tempoh yang telah ditetapkan. Dengan pelaksanaan sistem FiT ini, dijangka lebih banyak pemaju dan individu akan mengambil bahagian dalam menjana tenaga elektrik daripada sumber tenaga boleh baharu.

NO. SOALAN : 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA PE
ANYAAN RT

LISA
N

TUAN MOHD. ABDUL

WAHID BIN ENDUT

[KUALA TERENGGANU]

TARIKH JAWAPAN DI
DEWAN RAKYAT

2 NOVEMBER 2011 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan nama dan jumlah 'operator-operator' air seluruh negara yang telah dan belum 'migrasi' kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air (SPAN) dalam usaha penstrukturian semula Industri Perkhidmatan Air Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga kini, lima (5) negeri telah menstrukturkan semula industri perkhidmatan bekalan air mereka iaitu Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Perlis dan Pulau Pinang. Sebagai sebahagian daripada proses penstrukturkan semula ini juga, kesemua negeri tersebut kecuali Perlis, telah dilesenkan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655] dengan operator air negeri masing-masing diberikan lesen perkhidmatan untuk mengusahakan dan menyediakan perkhidmatan bekalan air di negeri-negeri tersebut. Operator-operator tersebut ialah:

- (i) Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB);
- (ii) Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS);
- (iii) Syarikat Air Johor (SAJ);
- (iv) Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP); dan
- (v) Syarikat Air Perlis (SAP).

Walau bagaimanapun, SAP masih belum dilesenkan memandangkan kerajaan negeri masih dalam proses menyelesaikan urusan pengkorporatan entiti tersebut. Pada masa ini perkhidmatan bekalan air di negeri Perlis masih diuruskan oleh Bahagian Bekalan Air, Jabatan Kerja Raya Perlis.

Tuan Yang Dipertua,

Negeri-negeri lain yang masih belum menstrukturkan semula industri perkhidmatan bekalan air ialah Kedah, Perak, Selangor, Pahang, Terengganu, Kelantan dan Wilayah Persekutuan Labuan. Pada masa ini, Kerajaan Persekutuan masih mengadakan rundingan untuk memuktamadkan penstrukturkan semula industri perkhidmatan bekalan air di negeri-negeri tersebut.

NO SOALAN 55

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA Y.B. TUAN HEE LOY SIAN (PETALING JAYA
SELATAN)
PERTANYAAN LISAN
TARIKH 02.11.2011

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan

- (a) status pengambilalihan dan pembangunan 4 lot tanah di Marina South dan 1 lot tanah di Ophir Rochor yang sepatutnya dibangunkan oleh syarikat M-S Pte Ltd selepas penyerahan tanah KTMB Tanjung Pagar kepada Singapura; dan
- (b) apakah keuntungan "win-wiri" yang menguntungkan Malaysia dengan penyertaan tanah KTMB Tanjung Pagar dengan penukaran 5 lot tanah kepada syarikat M-S Pte Lte.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, setelah menandatangani Instrumen Bertulis (*Written Instrument*) di antara Kerajaan Malaysia dan Singapura pada 27 Jun 2011, empat bidang tanah di Marina South dan dua bidang tanah di

Ophir-Rochor telah diberi hak kepada M+S Pte Ltd pada 1 Julai 2011, setelah stesen keretapi Tanjong Pagar dikosongkan oleh Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB). Seperti yang dipersetujui oleh Perdana Menteri kedua-dua buah negara, tanah-tanah ini telah diberi hak kepada M+S Pte Ltd berdasarkan kepada pertukaran tiga bidang tanah keretapi di Tanjong Pagar, Kranji dan Woodlands serta tiga bidang tanah di Bukit Timah, pada nilai yang sama.

2. M

+S Pte Ltd akan membangunkan empat bidang tanah di Marina South serta dua bidang tanah di Ophir-Rochor, masing-masing dalam bentuk pembangunan berintegrasi. Pembangunan tanah-tanah tersebut kini berada pada peringkat perancangan iaitu perangkaan Pelan Induk.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, tanah-tanah keretapi di Singapura telah dipajakkan kepada KTMB bagi tujuan kegunaan keretapi sahaja. Oleh yang demikian, apabila perkhidmatan keretapi terhenti, tanah-tanah berkenaan perlu dikembalikan kepada Singapura. Namun demikian, dengan termeterainya Instrumen Bertulis ini, Malaysia masih menikmati keuntungan atau faedah (sungguhpun tanah-tanah tersebut diserahkan kepada Singapura) seperti berikut:

i) Melalui persetujuan pertukaran tanah-tanah tersebut, Malaysia akan dapat menerima manfaat melalui 60% pegangannya dalam M+S Pte Ltd dengan membangunkan bidang-bidang tanah bernilai tinggi di Marina South, daerah kewangan dan perniagaan baru Singapura serta Ophir-Rochor, sebuah kawasan pertumbuhan baru yang merangkumi kluster-kluster pelbagai guna. Nilai pembangunan kasar bagi pembangunan yang dilaksanakan oleh M + S Pte Ltd ini adalah dianggarkan sebanyak RM27 bilion;

ii) Malaysia turut menerima komitmen kukuh untuk pembangunan bersama sebuah Sistem Transit Rapid (RTS) yang akan menghubungkan Johor Bahru dan Singapura, dengan kemudahan pemeriksaan kastam (CIQ) di

kedua-dua negara, yang bertujuan untuk mempertingkatkan jalinan perjalanan antara Malaysia dan Singapura. Manfaat RTS kepada Malaysia adalah signifikan, iaitu daripada peningkatan nilai harta tanah di Iskandar Malaysia hingga kepada penambahbaikan jalinan perjalanan antara Malaysia dan Singapura. Ia bukan sahaja akan menyumbang kepada peningkatan jumlah pelancong asing ke Malaysia tetapi juga akan menyediakan insentif tambahan kepada syarikat-syarikat asing untuk beroperasi di Iskandar Malaysia, sekali gus menjadikan Iskandar Malaysia pusat perniagaan; dan

iii) Meningkatkan pelaburan di Iskandar Malaysia melalui;

(a) Persetujuan Singapura untuk melabur bersama dalam pembangunan projek perbandaran kesihatan ikonik (*iconic wellness township*) yang melibatkan tanah seluas sehingga 500 ekar di Iskandar Malaysia. Kerjasama di antara Khazanah Nasional Bhd dan Temasek dalam syarikat teroka yang dimiliki bersama, Pulau Indah Ventures Sdn Bhd (dengan masing-masing memegang 50% kepentingan), bukan sahaja akan mempertingkatkan kerjasama dan penglibatan kedua-dua buah negara, tetapi juga akan turut membantu meningkatkan sentimen perniagaan syarikat-syarikat Singapura serta keyakinan para pelabur terhadap Iskandar Malaysia; dan

(b) Penubuhan sebuah Jawatankuasa Bersama Menteri Malaysia-Singapura (*Joint Ministerial Committee* atau JMC) pada tahun 2007 dan kumpulan kerja-kumpulan kerja telah dibentuk bagi memberi tumpuan kepada aspek-aspek pengangkutan, imigresen, pelancongan dan alam sekitar, dalam kerjasama untuk membangunkan Iskandar Malaysia. Ini termasuk memudahkan perjalanan serta kemudahan keluar-masuk antara kedua-

dua negara, mempertingkatkan jalinan perjalanan antara Malaysia dan Singapura serta mempromosi bersama produk-produk ekopelancongan. Kesemua inisiatif ini bukan sahaja membantu meningkatkan kemasukan para pelancong ke Iskandar Malaysia dan destinasi lain di seluruh Malaysia tetapi juga menyokong dan memastikan kejayaan projek-projek lain di sekitar Iskandar Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA

JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]

TARIKH

2 NOVEMBER 2011 (RABU)

SOALAN

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta
MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN
menyatakan :

- (a) sama ada pengisian TVi menepati nisbah pembahagian 30:30:40 bagi Sabah, Sarawak dan Semenanjung seperti yang diumumkan; dan
- (b) adakah syarikat tempatan (Sabah) diberi peluang melaksana pengisian kreatif program ini. Adakah dana tambahan diberikan kepada RTM (Sabah) untuk melaksanakan penambahan program baharu ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

SOALAN NO: 33

- a) Pengisian bagi saluran TVi pada masa ini ialah dalam nisbah 20:20:60 untuk kandungan Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Walau bagaimanapun nisbah untuk Sabah dan Sarawak akan bertambah pada tahun 2012 kerana banyak rancangan kandungan kedua-dua negeri ini dalam proses penerbitan untuk disiarkan di TVi.
- b) Syarikat tempatan (Sabah) diberi keutamaan dalam melaksanakan pengisian program untuk TVi mengikut prosedur dan garis panduan yang sedia ada. RTM Sabah menggunakan bajet sedia ada untuk pengisian program TVi. Ibu pejabat telah menyalurkan bajet tambahan sebanyak RM4,985,090.00 pada tahun 2011 kepada RTM Sabah untuk menampung keseluruhan aktiviti RTM Sabah termasuk pengisian program ini.

HO-L° ALAM:
SMOnflcU M-
r%

Ner-AUP:-

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK CHUA SOON BUI [TAWAU]

TARIKH : 2 NOVEMBER 2011

RUJUKAN : 4154

SOALAN:

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

- (a) apakah angka-angka terperinci berkenaan orang-orang yang telah diberi kewarganegaraan (MyKad) dalam tempoh lima tahun yang lalu di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak masing-masing, mengikut kumpulan etnik dan pekerjaan (profesional, pekerja berkemahiran atau buruh biasa); dan
- (b) berapa orang rakyat Malaysia yang telah berhijrah ke luar negeri setiap tahun dalam tempoh lima tahun yang lalu, juga mengikut kategori-kategori tersebut di atas.

Tuan Yang Dipertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tawau yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah penganugerahan taraf kewarganegaraan bagi tempoh lima tahun lalu iaitu pada tahun 2007 hingga Ogos 2011 adalah sebanyak 27,719. Pecahan statistik mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah
Semenanjung Malaysia	23,914
Sabah	3,086
Sarawak	719
Jumlah Keseluruhan	27,719

JAWAPAN:

Kementerian tidak menyimpan rekod taraf kewarganegaraan mengikut pekerjaan (profesional, pekerja berkemahiran atau buruh biasa). Namun begitu, pecahan statistik mengikut 5 bangsa yang tertinggi adalah seperti berikut:

Bangsa	Jumlah
Indonesia	9,366
Cina	5,282
India	3,789
Thai	900
Filipino	542
Lain-lain	7,840
Jumlah Keseluruhan	27,719

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri tidak mempunyai rekod jumlah warganegara Malaysia berhijrah ke luar negara. Ini kerana bidang tugas Jabatan Imigresen Malaysia secara amnya merangkumi aspek kemasukan, keberadaan dan keluar dari negara ini dan tidak meliputi hal ehwal di luar negara. Dengan demikian Jabatan tidak mempunyai rekod warganegara Malaysia keluar negara samada untuk tujuan melancong, bekerja, belajar ataupun berhijrah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR
[KETEREH]

TARIKH : 2 NOVEMBER 2011

SOALAN:

TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR (KETEREH) minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah pendaftaran pemilih baru sepanjang 4 tahun lepas mengikut kategori umur dan negeri. Berapakah jumlah maksimum pendaftaran pemilih yang berupaya dikendalikan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam masa setahun dan apakah tempoh minima yang diperlukan dalam menjalankan proses pendaftaran pemilih baru. Apakah halangan sebenar Kerajaan bagi mengadakan pendaftaran pengundi automatik.

SOALAN NQ.35

Satu-satu permohonan pendaftaran yang diterima oleh SPR sama ada untuk mendaftar sebagai pemilih baru atau pun memohon pertukaran alamat pusat mengundi, akan diproses dan diperakui mengikut tempoh suku tahun yang mana lazimnya mengambil tempoh masa antara tiga hingga lima bulan seperti yang berikut:

- ⑧ Suku Tahun Pertama (pendaftaran yang diterima dalam bulan Januari hingga Mac), pengesahannya dijangkakan dalam bulan Mei;
- Suku Tahun Kedua (pendaftaran yang diterima dalam bulan April hingga Jun), pengesahannya dijangkakan dalam bulan Ogos;
- ⑧ Suku Tahun Ketiga (pendaftaran yang diterima dalam bulan Julai hingga September), pengesahannya dijangkakan dalam bulan November; dan ⑧ Suku Tahun Keempat (pendaftaran yang diterima dalam bulan Oktober hingga Disember), pengesahannya dijangkakan dalam bulan Februari tahun yang berikutnya.

Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan pendaftaran pemilih secara automatik disebabkan sebahagian besar

rakyat Malaysia tidak tinggal di alamat yang tercatat di dalam kad pengenalan. Jika dilaksanakan sistem pendaftaran pemilih secara automatik, ia akan memberikan implikasi yang besar kepada mereka yang terlibat memandangkan keadaan mobiliti penduduk yang sangat tinggi ekoran berpindah alamat kediaman, pertukaran tempat kerja dan sebagainya. Ini kerana terdapat mereka yang tidak membuat pertukaran alamat pada kad pengenalan, menyebabkan bilangan mereka yang akan didaftarkan di luar kawasan tempat mereka bermastautin adalah tinggi. Bahkan mungkin ada di antara mereka yang tidak lagi menetap di alamat tersebut serta tidak mempunyai ahli keluarga di alamat yang didaftarkan.

Jika ha! ini berlaku ia akan menimbulkan kesulitan pemilih itu sendiri. Contohnya, jika alamat yang tertera di dalam kad pengenalan ataupun yang terdapat di pangkalan data alamat di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menunjukkan bahawa seseorang pemilih itu menetap di sesuatu alamat tertentu sedangkan pada hakikat sebenarnya beliau telah berpindah ke suatu tempat baru, tetapi tidak membuat pertukaran alamat di JPN, maka seseorang pemilih itu akan didaftarkan

SOALAN NO.35

berdasarkan alamat bermastautin yang lama.

Peraturan pendaftaran automatik ini juga, jika dilaksanakan, amat bertentangan dengan kehendak Perlembagaan mengenai tempat mastautin sebenar pemilih berkenaan, kerana beliau telah berpindah ke tempat lain. Jika berlaku pilihan raya, maka pemilih berkenaan akan menghadapi kesulitan untuk menentukan di pusat mengundi manakah beliau akan mengundi kerana namanya tidak disenaraikan di tempat mengundi beliau bermastautin. Jika ramai pemilih yang berpindah tempat tinggal tetapi tidak memaklumkan kepada JPN, adalah dikhawatirkan ramai pemilih tidak akan kembali mengundi jika pusat mengundi mereka terletak jauh dari tempat kediaman mereka.

Oleh kerana itu, dikhawatirkan peratus pemilih yang keluar mengundi di bahagian pilihan raya berkurangan dan akan menjelaskan proses demokrasi. Berasaskan pada hakikat ini maka kerajaan belum lagi bercadang untuk membuat pendaftaran pemilih secara automatik. Namun begitu, Kerajaan senantiasa mengkaji cara yang lebih efektif dan mempertimbangkan pelbagai cadangan untuk mempertingkatkan dan menambahbaikan lagi kaedah pendaftaran

yang sedia ada. Sekian, terima kasih.

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PARLIMEN	SEPANJANG TAHUN 200?	SEPANJANG TAHUN 2008	SEPANJANG TAHUN 2003	SEPANJANG TAHUN 2010
P.091 ROM PIN	4,144	735	1,654	3,260
P.092 SABAKBERNAM	2,865	383	904	2,636
P.093 SUNGAI BESAR	3,780	424	1,413	3,409
P.094 HUIU SELANGOR	7,232	1,018	1,438	7,303
P.095 TANJONG KARANG	3,448	374	599	3,640
P.096 KUALA SELANGOR	5,406	649	1,085	4,753
P.097 SELAYANG	8,038	1,570	2,030	8,246
P.098 GOMBAK	8,874	1,616	2,792	7,838
P.099 AMPANG	4,861	1,053	1,601	4,894
P. 100 PAN DAN	6,444	1,273	2,118	5,962
P. 101 HULU LANGAT	9,409	1,897	3,429	8,878
P. 102 SERDANG	11,276	1,738	3,720	7,802
P. 103 PUCHONG	8,691	1,525	2,186	7,364
P. 104 KELANAJAYA	6,452	1,360	2,093	5,708
P. 105 PETALING JAYA SELATAN	4,565	692	1,334	3,635
P. 106 PETALING JAYA UTARA	4,078	788	1,136	3,426
P. 107 8UBANG	8,618	1,854	3,427	10,377
P. 108 SHAHALAM	5,760	1,581	2,570	5,324
P. 109 KAPAR	10,267	1,978	2,649	8,421
P.110 KLANG	4,519	1,568	1,839	5,530
P.111 KOTA RAJA	5,797	1,826	2,606	7,765
P.112 KUALA LANGAT	6,090	934	2,204	6,751
P.113 SEPANG	5,412	836	1,584	6,940
P/114 KEPONG	3,501	1,048	493	2,816
P.115 BATU	6,668	1,213	1,362	5,505
P.116 WANGSAMAJU	4,523	643	1,165	3,791
P. 117 SEGAMBUT	4,309	1,041	1,356	4,628
P.118 SETIAWANGSA	6,604	603	978	5,301
P. 119 tlfWANGSA	2,416	549	901	2,377
P.120 BUKIT BINTANG	2,292	290	273	1,368
P.121 LEMBAH PANTAI	3,511	858	1,159	3,996
P. 122 SEPUTEH	4,499	1,005	1,604	3,190
P. 123 CHERAS	4,079	541	909	2,646
P. 124 BANDAR TUN RAZAK	6,821	1,100	1,798	6,183
P. 125 PUTRAJAYA	655	162	293	1,050
P. 126 JELEBU	2,965	480	890	2,829
P. 127 JEMPOL	4,448	821	1,404	4,477
P. 128 SEREMBAN 1	6,504	1,307	2,030	5,180
P. 129 KUALA PiLAH	2,809"	554	819	2,881
P. 130 RASAH	7,027	977	1,648	4,722
P.131 REMBAU	5,944	1,136	1,597	4,988
P. 132 TELOK KEMANG	6,664	619	1,525	5,034
P.133 TAMPIN	5,488	728	1,130	3,867
P.134 MASJID TANAH	2,428	430	780	2,414
P. 135 ALORGAJAH	3,655	606	1,158	3,394
P. 136 TANGGABATU	7,564	702	1,522	6,535
P. 137 BUKIT KATIL	5,716	1,435	2,876	6,057
P.138 KOTA MELAKA	4,314	944	1,853	3,982
P. 139 JASIN	3,441	620	1,171	3,503

BAHAGIANI PILIHAN RAYA PARLIMEN	SEPAWJAM G	SEPANJANG TAHUN	SEPANJANG TAHUN 2008	SEPANJANG TAHUN 2009	SEPANJANG TAHUN 2010
P. 140 SEGAMAT	2,650	529	714	2,404	
P.141 SEKIJANG	2,773	596	895	2,339	
P.142 LABIS	2,897	375	396	2,049	
P. 143 PAG OH	2,910	589	857	2,778	
P. 144 LEDANG	3,669	801	1,25	4,923	
P. 145 BAKRI	3,744	1,288	1,30	4,384	
P. 146 MUAR	2,244	674	1,11	3,772	
P. 147 PARIT SULONG	3,537	542	787	3,565	
P.148 AYER HITAM	3,370	434	696	3,243	
P.149 SRI GADING	2,462	498	980	2,996	
P. 150 BATU PAHAT	4,775	1,095	1,76	8,865	
P.151 SIMPANG RENGGAM	2,572	472	695	1,996	
P. 152 KLUANG	6,536	1,144	1,27	5,487	
P. 153 SEMBRONG	2,210	417	688	4,962	
P. 154 MERSING	3,225	504	1,30	3,301	
P. 155 TENGGARA	3,157	429	872	2,609	
P. 156 KOTA TINGGI	2,566	473	1,05	2,390	
P.157 PENGERANG	3,119	353	896	2,041	
P.158 TEBRAU	6,571	1,431	2,71	6,756	
P.159 PASIR GUDANG	7,642	1,310	4,05	6,780	
P. 160 JOHOR BAHRU	5,399	866	1,561	4,613	
P.161 PULAI	6,248	1,261	1,75	7,522	
ip.162 GELANGPATAH	5,644	1,499	■1	8,806	
P. 163 KULAi • I	6,221	1,202	1,42	4,950	
P. 164 PONTON	2,247	484	1,21	2,584	
P. 165 TANJO«G PIAI	3,054	612	784	2,646	
P. 166 LABUAN	1,365	529	205	1,017	
P.167 KUDAT	2,751	526	588	1,970	
P. 168 KOTA MARUDU	3,212	449	464	2,723	
P. 169 KOTA BELUD	3,097	612	562	1,265	
P. 170 TUARAN	2,545	637	503	1,420	
P.171 SEPANGGAR	2,384	934	745	2,776	
P. 172 KOTA KINABALU	1,308	557	314	912	
P. 173 PUTATAN	2,376	428	459	1,522	
P.174 PENAMPANG	1,860	747	560	1,511	
P. 175 PAPAR	1,832	530	488	814	
P.176 KIMANIS	1,498	3oef	358	642	
P. 177 BEAUFORT	1,325	314	321	599	
P.178 SIPITANG	1,387	503	356	747	
P. 179 RANAU	3,204	285	814	2,046	
P. 180 KENINGAU	1,997	423	514	1,241	
P. 181 TENOM	1,334	196	303	710	
P. 182 PENSIANGAN	1,756	294	514	1,103	
P.183 BELURAN	1,011	195	529	1,605	
P. 184 LIBARAN	3,424	284	1,00	1,767	
P. 185 BATUSAPI	1,694	225	303	1,594	
P. 186 SANDAKAN	1,638	359	414	1,508	
P. 187 KINABATANGAN	1,691	256	820	1,071	
P. 188 SILAM	2,973	473	504	1,771	

SOALAN NO. : 1

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. LEE BOON CHYE

KAWASAN : GOPENG

TARIKH : 2 NOVEMBER 2011 (RABU)

SOALAN :

Y.B. DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan jumlah pampasan yang diberikan kepada pemegang konsesi tol jalan raya serta keuntungan pemegang konsesi tersebut setiap tahun muiai tahun 2006 sehingga tahun 2010.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pampasan dalam bentuk tunai yang telah dibayar oleh Kerajaan kepada syarikat-syarikat konsesi lebuh raya dari tahun 2006 sehingga tahun 2010 adalah sebanyak RM 1,273.4 juta.

Pampasan tersebut perlu dijelaskan berikutkan dari keputusan Kerajaan untuk menangguhkan kenaikan kadar tol bagi lebuh raya-lebuh raya yang sedang beroperasi sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Perjanjian Konsesi. Di samping itu Kerajaan juga perlu membayar pampasan disebabkan oleh faktor-faktor lain, antaranya seperti penghapusan kutipan tol (Plaza Tol Senai, Lebuh Raya Utara Selatan;

Plaza Tol Salak Jaya, Lebuh Raya Sungai Besi; dan Plaza Tol PJS 2, Arah Kuala Lumpur di Lebuh Raya Pantai Baru), penetapan diskaun 50% kadar tol untuk bas dan pampasan kerana tidak melaksanakan restriction order di Lebuh Raya Selat Klang Utara Baru (NNKSB).

Maklumat mengenai jumlah pecahan pampasan tol mengikut lebuh raya ialah seperti berikut:

NO.	LEBUHRAYA	JUMLAH PAMPASAN MENGIKUT TAHUN (RM' JUTA)					JUMLAH KESELURUHAN (RM' JUTA)
		2006	2007	2008	2009	2010	
1.	LEBUHRAYA UTARA - SELATAN (PLUS)	-	-	192.4	223.07	189.94	605.41
2.	JAMBATAN PULAU PINANG (PBSB)	19.99	19.63	24.20	36.17	40.69	140.68
3.	LEBUHRAYA SHAH ALAM (KESAS)	-	-	0.11	0.36	0.47	0.92
4.	LEBUHRAYA UTARA - SELATAN HUBUNGAN TENGAH (ELITE)	-	-	0.31	1.06	1.23	2.60
5.	LEBUHRAYA BUTTERWORTH - KULIM (KLBK)	-	-	0.08	0.31	0.39	0.78
6.	LEBUHRAYA KUALA LUMPUR -KARAK (KLK)	-	-	0.56	1.95	2.15	4.66
7.	LEBUHRAYA SEREMBAN PORT DICKSON (SPDH)	-	-	0.03	0.11	0.14	0.28
8.	LEBUHRAYA PINTAS SELAT KELANG UTARA BARU (NNKSB)	2.9	2.72	4.79	5.29	7.70	23.4
9.	LEBUHRAYA JALAN DAN JEJAMBAT KUALA LUMPUR	-	-	0.09	0.31	0.34	0.74

NO	LEBUHRAYA	JUMLAH PAMPASAN MENGIKUT TAHUN (RM ⁶ JUTA)					JUMLAH KESELURUHAN (RM ⁷ JUTA)
		2006	2007	2008	2009	2010	
	(METRAMAC)						
10.	LEBUHRAYA CHERAS - KAJANG (GRAND SAGA)			0.04	0.17	0.21	0.42
11.	LEBUHRAYA SUNGAI BES1 (BESRAYA)			0.07	0.18	0.19	0.44
12.	LEBUHRAYA DAMANSARA - PUCHONG (LITRAK)	80.94	150.00	0.14	0.47	0.51	232.06
13.	LEBUHRAYA TINGKAT AMPANG - KUALA LUMPUR (PROLINTAS)			20.73	19.95	19.27	59.95
14.	LEBUHRAYA SKIM PENYURAIAN TRAFIK KL- BARAT(SPRINT)			32.09	29.83	48.3	110.22
15.	LEBUHRAYA BARU PANTAI (NPE)			0.07	20.67	13.97	34.71
16.	LEBUHRAYA SKIM PENYURAIAN LINGKARAN KAJANG (SILK)	-	-	0.03	0.14	11.47	11.64
17.	LEBUHRAYA PANTAI TIMUR FAS A 1(LPT 1)		-	0.34	1.26	1.37	2.97
18.	LEBUHRAYA SHAH ALAM - KUANG	■	-	0.02	0.06	0.08	0.16

NO.	LEBUHRAYA	JUMLAH PAMPASAN MENGIKUT TAHUN (RM ⁷ JUTA)					JUMLAH KESELURUHAN (RM ¹ JUTA)
		2006	2007	2008	2009	2010	
	(GUTHRIE)						
19.	PROJEK PENGURUSAN TEROWONG sc BANJIR (SMART)					10.78	10.78
20.	LEBUHRAYA LINGKARAN LUAR BUTTERWORTH	7.37	4.12	4.17	4.46		20.12
21.	LEBUHRAYA KL- PUTRAJAYA (MEX)		0.17	0.68	0.92		0.91
22.	LEBUHRAYA KAJANG - SEREMBAN (LEKAS)		0.001	0.01	0.03		0.04
23.	LEBUHRAYA DUTA- ULU KELANG (DUKE)			0.11	0.21		0.32
24.	LEBUHRAYA SENAI- DESARU (SDE)			0.008	0.05		0.58
25	LEBUHRAYA LINKEDUA(LINKEDUA)					8.62	8.62
26	LEBUHRAYA KEMUNING-SHAH ALAM (LKSA)					0.03	0.03
27	LEBUHRAYA LEMBAH KLANG-SELATAN (SKYE)					0.004	0.004
JUMLAH KESELURUHAN		103.83	179.7 2	280.39	346.34	363.52	1,273.44

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, maklumat bagi jumlah keuntungan/kerugian selepas cukai setiap lebuh raya yang sedang beroperasi boleh dicapai atau diperolehi melalui Laporan Penyata Kewangan Yang Telah Diaudit syarikat konsesi masing-masing. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keuntungan/kerugian selepas cukai dari tahun 2006 sehingga tahun 2010 bagi lebuh raya-lebuh raya yang beroperasi ialah sebanyak RM6,809.5 juta di mana sebanyak 14 syarikat konsesi telah mencatatkan keuntungan dan bakinya iaitu 12 syarikat konsesi pula mencatatkan kerugian. Maklumat tersebut adalah seperti yang berikut:

NO.	LEBUHRAYA	JUMLAH KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) MENGIKUT TAHUN (RM' JUTA)					JUMLAH KESELURUHA N (RM' JUTA)
		2006	2007	2008	2009	2010	
1.	LEBUHRAYA UTARA - SELATAN (PLUS)	1,168.4	1,180. 8	1,127.2	1,262.5	1,367.5	6,104.4
2	LEBUHRAYA SEREMBAN PORT						
3.	JAMBATAN PULAU PINANG (PBSB)	32.1	36.4	44.3	25.4	(12.0)	126.2
4.	LEBUHRAYA SHAH ALAM (KESAS)	(9.0)	(8.8)	3.7	27.8	40.5	54.2

NO	LEBUHRAYA	JUMLAH KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) MENGIKUT TAHUN (RM' JUTA)					JUMLAH KESELURUHAN (RM' JUTA)
		2006	2007	2008	2009	2010	
5.	LEBUHRAYA UTARA - SELATAN HUBUNGAN TENGAH (ELITE)	36.4	38.3	53.5	54.6	71.9	254.7
6.	LEBUHRAYA BUTTERWORTH - KULIM (KLBK)	5.2	4.4	6.6	11.4	6.4	34.0
7.	LEBUHRAYA KUALA LUMPUR-KARAK (KLK)	41.2	42.3	57.9	78.1	85.1	304.6
8.	LEBUHRAYA PINTAS SELAT KELANG UTARA BARU (NNKSB)	(49.80)	(38.9)	(42.9)	(59.6)	(47.6)	(238.8)
9.	LEBUHRAYA JALAN DAN JEJAMBAT KUALA LUMPUR (METRAMAC)	18.7	12.4	23.3	32.7	33.7	120.8
10.	LEBUHRAYA CHERAS - KAjANG (GRAND SAGA)	19.0	24.9	29.1	33.9	45.2	152.1
11.	LEBUHRAYA SUNGAI BESI (BESRAYA)	19.9	(8.4)	33.0	21.1	17.9	83.5
12.	LEBUHRAYA DAMANSARA - PUCHONG (LITRAK)	62.3	79.1	95.6	114.1	108.5	459.6
13.	LEBUHRAYA TINGKAT AMPANG - KUALA LUMPUR (PROLINTAS)	5.7	6.8	28.8	24.0	20.0	85.3

NO.	LEBUHRAYA	JUMLAH KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) MENGIKUT TAHUN (RM' JUTA)					JUMLAH KESELURUHAN (RM' JUTA)
		2006	2007	2008	2009	2010	
14.	LEBUHRAYA SKIM PENYURA1AN TRAFIK KL- BARAT(SPRINT)	(26.2)	(40.3)	(43.8)	(33.6)	(44.6)	(188.5)
15.	LEBUHRAYA BARU PANTAI (NPE)	(3.6)	(24.2)	(3.9)	3.4	40.9	12.6
16.	LEBUHRAYA SKIM PENYURA1AN LINGKARAN KAJANG (SILK)	(112.6)	(81.9)	(60.7)	(35.7)	(26.2)	(317.1)
17.	LEBUHRAYA PANTAI TIMUR FASA 1 (LPT 1)	28.1	28.6	38.4	56.3	59.0	210.4
18.	LEBUHRAYA SHAH ALAM - KUANG (GUTHRIE)	5.9	(8.5)	(25.1)	(20.3)	(15.8)	(63.8)
19.	PROJEK PENGURUSAN TEROWONG SC BANJIR (SMART)	-	(8.5)	(10.5)	(7.8)	27.4	0.6
20.	LEBUHRAYA LINGKARAN LUAR BUTTERWORTH	-	(8.5)	(16.7)	(16.4)	(18.9)	(60.5)
21.	LEBUHRAYA KL- PUTRAJAYA (MEX)	-	(0.6)	(9.8)	(42.4)	(3.3)	(56.1)
22.	LEBUHRAYA KAJANG - SEREMBAN (LEKAS)	-	-	(0.36)	(12.5)	(27.5)	(40.36)

NO.	LEBUHRAYA	JUMLAH KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) MENGIKUT TAHUN (RM' JUTA)					JUMLAH KESELURUHAN (RM' JUTA)
		2006	2007	2008	2009	2010	
23.	LEBUHRAYA DUTA-ULU KELANG (DUKE)				(34.2)	(34.1)	(68.3)
24.	LEBUHRAYA SENAI- DESARU (SDE)	(28.5)	(2.3)	(2.4)	(23.2)	2.3	(54.1)
25	LEBUHRAYA LINKEDUA(LINKEDUA)	(35.6)	29.5	(17.9)	(24.8)	(16.5)	(65.3)
26	LEBUHRAYA KEMUNING-SHAH ALAM (LKSA)					(28.7)	(28.7)
27	LEBUHRAYA LEMBAH KLANG-SELATAN (SKVE)					(11.9)	(11.9)
JUMLAH KESELURUHAN							6,809.5

Sekian, terima kasih.

KK/BP(1.10)294/6-73 SJ.B(TULIS)/(28)

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA **TUAN AMRAN BIN AB GHANI**
PERTANYAAN : **(TANAH MERAH)**
 LISAN

2.11.2011

TARIKH Tuan Amran bin Ab Ghani (Tanah Merah) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan peratusan kejayaan dan kegagalan peserta Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) mengikut negeri dan setiap aktiviti yang dilakukan oleh mereka dan berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh AIM sejak awal penubuhannya sehingga sekarang dan berapa peratus dibayar balik oleh peserta.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, matlamat utama program Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) adalah untuk mengeluarkan isirumah miskin dari paras garis kemiskinan. Berdasarkan kajian impak oleh Universiti Utara Malaysia dalam tahun 2009, purata pendapatan peserta (sahabat) setelah menyertai AIM meningkat kepada RM2,675 sebulan

berbanding RM515 sebulan sebelumnya. Secara keseluruhannya 99.04% daripada jumlah sahabat AIM telah berjaya mencapai kejayaan.

2. Kejayaan dan kegagalan sahabat AIM adalah berdasarkan kepada bidang perniagaan yang diceburi. Sehingga 31 Ogos 2011, Negeri Kelantan dan Terengganu mencatatkan peratus bilangan sahabat berjaya yang tertinggi iaitu sebanyak 99.96% di mana sahabat yang berjaya dari negeri Kelantan seramai 44,699 orang dan negeri Terengganu seramai 27,574 orang. Peratusan kejayaan sahabat AIM bagi negeri Kedah sebanyak 99.92% (34,039 orang), Sabah sebanyak 99.86% (50,823 orang), Sarawak sebanyak 99.78% (28,540 orang), Pahang sebanyak 99.76% (15,875 orang), Perak sebanyak 99.71% (27,255 orang), Negeri Sembilan sebanyak 98.78% (8,873 orang), Johor sebanyak 97.58% (7,942 orang), Melaka sebanyak 97.19% (4,423 orang), Perlis sebanyak 96.66% (3,931 orang), Selangor sebanyak 96.23% (12,809 orang), Pulau Pinang sebanyak 96.06% (4,708 orang) dan Kuala Lumpur sebanyak 89.38% (9,809 orang).

3. Manakala peratus kejayaan sahabat AIM bagi setiap aktiviti ialah 99.03% di mana sebanyak 157,527 orang untuk perniagaan kecil-kecilan, 50,634 orang untuk aktiviti pertanian, 22,504 orang untuk aktiviti pembuatan, 19,691 orang masing-masing bagi aktiviti perkhidmatan dan penternakan dan 11,252 orang untuk aktiviti perikanan.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak AIM ditubuhkan pada 17 September 1987 sehingga 31 Ogos 2011 sejumlah RM5.813 bilion pembiayaan telah disalurkan kepada 284,039 sahabat AIM di seluruh

Malaysia. Prestasi bayaran balik pinjaman oleh sahabat AIM amat memberangsangkan sehingga mencapai 99.5%. Negeri Terengganu mencatatkan peratus bayaran balik pinjaman yang tertinggi iaitu sebanyak 100% diikuti dengan negeri-negeri lain seperti Kelantan sebanyak 99.99%, Kedah sebanyak 99.96%, Perak sebanyak 99.90%, Pahang dan Sabah masing-masing sebanyak 99.88%, Sarawak sebanyak 99.85%, Negeri Sembilan sebanyak 99.13%, Perlis sebanyak 99.01%, Pulau Pinang sebanyak 98.53%, Johor sebanyak 98.31%, Melaka sebanyak 98.23%, Selangor sebanyak 98.08% dan Kuala Lumpur sebanyak 82.58%. Dengan peratus baki pembiayaan berisiko (*Portfolio at Risk*) yang rendah iaitu sekitar 0.45%, AIM dapat menjana pusingan dana modal pembiayaan dari Kerajaan sehingga 6 kali.